

## PESTA BEDERUN BALINGIAN 2023: IMPAK DAN HALATUJU TERHADAP SUMBER, KOMUNITI DAN EKOPELANCONGAN

**Suffina Long**

*Pusat Penyelidikan Melanau, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah*

**Tang Howe Eng**

*Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah*

**Yahutazi Chik**

*Pusat Penyelidikan Melanau, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah*

**Mohamad Musa Bohari**

*Pusat Penyelidikan Melanau, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah*

**Noor Emma Shamsuddin**

*Pusat Penyelidikan Melanau, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Kampus Mukah*

*Corresponding Author's Email: suffinalong@uitm.edu.my*

### **Article history:**

*Received: (15 Oktober 2023)*

*Accepted: (1 November 2023)*

*Published: (30 Disember 2023)*

### **ABSTRAK**

Pesta Bederun Balingian merupakan satu pesta yang menyasarkan kehadiran pengunjung luar mahupun penduduk Balingian ke tapak pesta demi merancakkan aktiviti ekonomi setempat. Bederun atau *Bededun* mengikut dialek Melanau Balingian memberi maksud berkumpul. Sehubungan dengan itu, penganjuran Pesta Bederun ini juga bertujuan mempromosikan pekan Balingian sebagai destinasi pelancongan mahupun persinggahan. Oleh yang demikian persoalan kajian ini adalah untuk menentukan sejauh manakah Pesta Bederun Balingian 2023 ini mampu mempromosikan Pekan Balingian sebagai hub ekopelancongan, meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat dan memperkenalkan sukan rakyat kepada pengunjung. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti impak penganjuran Pesta Bederun Balingian 2023 dari segi ekonomi, pelancongan, sosial dan alam sekitar. Pendekatan kuantitatif digunakan dengan menggunakan instrumen soal selidik kepada 529 responden daripada lebih kurang 9500 pengunjung Pesta Bederun ini. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa Pesta Bederun Balingian mampu menarik ramai pengunjung bukan sahaja dari kawasan sekitar Balingian atau Mukah malah dari bahagian-bahagian lain dalam Sarawak. Kesimpulannya, Pesta Bederun ini meningkatkan imej pekan Balingian sebagai salah satu destinasi pelancongan atau persinggahan. Walaubagaimanapun, kajian impak Pesta Bederun Balingian 2023 ini dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada penganjuran pesta ini pada masa hadapan dengan perancangan dan perlaksanaan yang lebih baik.

**Kata Kunci:** *Pesta Bederun, Balingian, Ekopelancongan, Impak*

## PENGENALAN

Kembalinya penganjuran Pesta Bederun Balingian edisi 2023 telah menamatkan penantian penduduk setempat selepas penganjuran terakhir pada tahun 2017 (Edisi UKAS, 2023). Pesta ini pertama kali diadakan sejak 2010. Jika dikaitkan dengan perkataan ‘*bederun*’ atau ‘*berdedun*’ mengikut dialek Mukah yang bermaksud ‘*berkumpul*’, semestinya penganjuran pesta ini disasarkan untuk menghimpun pengunjung luar mahupun penduduk tempatan Balingian demi merancakkan aktiviti ekonomi setempat, selain mempromosikan pekan Balingian sebagai destinasi pelancongan mahupun persinggahan. Pesta Bederun Balingian 2023 masih mengekalkan slogan “*Ja Ulu, Ja Aseng*” yang bermaksud “Satu Hati, Satu Pemikiran” iaitu prinsip kehidupan penduduk Balingian yang selama ini saling berganding bahu dalam kehidupan seharian.

Pesta Bederun Balingian edisi 2023 telah berlangsung dari 27 Mei hingga 4 Jun 2023 dan di antara pengisian pesta ini adalah Pertandingan PUBG Mobile, Badminton, Pekicau, Liga Penalti, Layang-Layang, Sukan Tradisional, Photohunt, Memancing, Persembahan Bot Kawalan, Bermukun, dan juga acara utama iaitu Acara-Acara Sungai seperti Bidar dan Pekayuh Lelaki dan Wanita, 15HP Bot Panjang, Bidar 10 Pengayuh Lelaki Tertutup, Bidar 10 Pengayuh Wanita Tertutup, Bidar 15 Pengayuh Lelaki Terbuka, Bidar 20 Pengayuh Lelaki Terbuka, Bot Laju 30HP 3 Piston (6 Pusingan) dan Bidar 15 Pecut Lelaki serta banyak lagi acara-acara sungai yang lain. Sepanjang program berlangsung juga, 100 buah gerai jualan yang menjual berbagai aneka makanan, pakaian dan banyak lagi turut menyerikan lagi Pesta Bederun Balingian 2023 disamping turut dimeriahkan dengan pertandingan gerai komuniti yang mempamerkan makanan tradisi dan kebudayaan masyarakat Melanau.

Pesta Bederun Balingian 2023 menempa sejarahnya tersendiri kerana julung-julung kali diadakan di tapak baharu yang lebih selesa dan lapang yang telah disiapkan di bawah seliaan projek penghadang hakisan sungai oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, Sarawak, Bahagian Mukah. Tapak baharu Pesta Bederun Balingian 2023 yang terletak berhampiran sungai Balingian telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Encik Ahli Abdul Yakub Arbi, Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.58 Balingian yang juga merangkap Pengurus Pesta Bederun Balingian 2023. Dalam ucapan perasmianya, Yang Berhormat Encik Ahli Abdul Yakub Arbi memaklumkan tentang perancangan bagi pembinaan medan niaga atau pusat penjaja dan masjid baharu di Balingian. Disamping itu, sebuah hotel turut dirancang untuk didirikan di hadapan waterfront Balingian yang diuruskan oleh pihak SEDC. Sebagai pelengkap kepada waterfront Balingian, turut dirancang adalah pembinaan taman permainan, taman awam dan botanika serta bangunan komersial seterusnya merancakkan lagi pembangunan di Balingian sebagai usaha dan persiapan menjadikan Balingian mencapai status sebagai daerah penuh.

Terdapat beberapa kepentingan mengadakan tinjauan berkaitan Pesta Bederun ini termasuklah pemeliharaan warisan budaya, mewujudkan identiti dan jati diri masyarakat, memperromosikan sektor pelancongan, mewujudkan ruang dan peluang bagi pemindahan ilmu pengetahuan, merapatkan jurang pertukaran budaya, serta membentuk ketahanan budaya masyarakat setempat. Penulisan ini memainkan peranan penting dalam memelihara warisan budaya masyarakat Melanau di Balingian kerana “Pesta Bederun” adalah tradisi yang berakar umbi yang telah diturunkan melalui satu generasi ke generasi yang lain. Oleh itu, dengan mendokumentasikan dan membincangkannya ia seterusnya membantu memastikan adat dan amalan perayaan itu tidak hilang ditelan arus kemodenan. Disamping itu, “Pesta Bederun” juga merupakan sebahagian daripada identiti masyarakat Melanau di Balingian. Oleh itu, tradisi ini memberikan peluang untuk masyarakat luar mengenali identiti budaya unik masyarakat Melanau, seterusnya membantu mengukuhkan rasa kekitaan dan sejarah unik sesuatu bangsa kepada budaya luar. Disamping itu juga, “Pesta Bederun” turut boleh dijadikan ruang untuk mempromosikan sektor pelancongan di kawasan Balingian. Pengunjung yang mengetahui tentang perayaan tradisional ini mungkin tertarik sekali gus meningkatkan pelancongan tempatan serta ekonomi masyarakat setempat. Selain itu, diantara kepentingan lain adalah dalam memudahkan pemindahan ilmu pengetahuan dan pemahaman perayaan dari generasi yang lebih tua kepada yang lebih muda kerana ianya boleh dijadikan sebagai sumber rujukan seterusnya memastikan tradisi dan kepentingan “Pesta Bederun” diteruskan kepada generasi akan datang. Disamping itu, “Pesta Bederun” turut menyediakan ruang dan peluang untuk pertukaran budaya dan pemahaman masyarakat daripada pelbagai latar belakang untuk mempelajari dan menghargai kekayaan budaya masyarakat Melanau, khususnya di Balingian dan seterusnya memupuk semangat perpaduan dan menghormati

kepelbagaian budaya. Dari segi ketahanan budaya pula, dalam keadaan dunia yang sentiasa berubah serta cabaran arus pemodenan dan pengaruh luar, penganjuran "Pesta Bederun" boleh dilihat sebagai simbol ketahanan budaya kerana ia mencerminkan keazaman masyarakat Melanau untuk menegakkan dan mempertahankan adat dan warisan tradisi masyarakat Melanau seterusnya menyampaikannya kepada generasi akan datang.

Secara ringkasnya, kajian tinjauan impak penganjuran "Pesta Bederun" adalah penting kerana ia menyumbang kepada pemeliharaan, promosi dan pemahaman warisan budaya Melanau di Balingian disamping turut berfungsi untuk meraikan kekayaan tradisi masyarakat ini dan menggalakkan kepelbagaian pertukaran budaya antara masyarakat tempatan dan masyarakat dari luar.

Oleh itu, "Pesta Bederun" iaitu pesta air tradisional yang disambut oleh masyarakat Melanau di Balingian, mempunyai kepentingan budaya dan sejarah yang signifikan. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan penyelidikan dan dokumentasi yang menyeluruh mengenai perayaan unik ini. Jurang pengetahuan ini memerlukan kajian mengenai beberapa isu yang mendesak kerana ianya melibatkan masalah berkaitan kekurangan dokumentasi, hakisan budaya disebabkan faktor pemodenan, penglibatan komuniti iaitu jurang diantara generasi muda dan generasi tua, implikasi terhadap sektor pelancongan dan kesan terhadap ekonomi masyarakat, dan interaksi hubungan antara budaya. Memandangkan isu-isu ini merupakan isu yang sangat penting, kajian penyelidikan komprehensif mengenai "Pesta Bederun" adalah bukan sahaja untuk memelihara warisan budaya tetapi juga untuk mendapatkan pandangan tentang bagaimana perayaan tradisional ini dapat mengukuhkan ekonomi masyarakat melalui sektor pelancongan seterusnya melihat bagaimana masyarakat dapat menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam landskap budaya yang sentiasa berkembang maju kehadapan yang sentiasa dicabar dengan pengaruh kemodenan.

## KAJIAN LITERATUR

### Regatta Sarawak

Regatta Sarawak merupakan festival sukan air tahunan yang diadakan di Sungai Sarawak, Kuching, Sarawak, Malaysia. Ia adalah acara tradisional yang mempunyai kepentingan budaya dan berupaya menarik pelancong dari seluruh dunia. Festival sukan air ini dianjurkan sejak dari era pendudukan James Brooke di Sarawak iaitu seawal tahun 1872 dan merupakan acara perlumbaan bot tertua di Malaysia yang pada asalnya berperanan untuk menyelesaikan konflik antara puak-puak di Sarawak (Guri, 2022). Festival ini menampilkan pelbagai pertandingan sukan air seperti perlumbaan bot, berkayak, dan berenang. Festival ini juga merangkumi persembahan kebudayaan, gerai makanan, dan pameran kraftangan (Ramlie, 2019). Sarawak Regatta adalah contoh pelancongan sukan acara berskala kecil yang menarik pengunjung ke rantau ini (Jeniri, 2018).

### Festival Sukan Air di Seluruh Dunia

Selain Regatta Sarawak, terdapat beberapa lagi perayaan sukan air yang serupa di seluruh dunia termasuklah "Pesta Perahu Naga" yang diadakan di pelbagai negara seperti China, Hong Kong, dan Singapura (Mccartney, Glenn & Osti, Linda., 2007). Dalam festival ini terdapat perlumbaan perahu naga serta persembahan kebudayaan. Selain daripada itu, di England pula, festival sukan air yang dinamakan "Henley Royal Regatta" turut diadakan di Eropah dan merupakan salah satu acara mendayung tertua dan paling berprestij di dunia. Ia mempunyai pertandingan mendayung, acara sosial, dan juga pertunjukan fesyen. Manakala di Australia pula, festival sukan "Sydney Harbour Regatta" menampilkan perlumbaan kapal layar, acara sosial, dan juga program hiburan (McOrist, 2022). "Newport Regatta" pula diadakan di Amerika Syarikat dan menampilkan perlumbaan perahu layar, acara sosial, dan muzik secara langsung. Selain itu, turut meraikan festival sukan air adalah di negara Portugal yang meraikan "Festival Laut". Festival mempunyai pelbagai pertandingan sukan air seperti berenang, melayari, dan belayar. Festival sukan air ini juga melibatkan persembahan kebudayaan, gerai makanan, dan pameran kraftangan.

## METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik kepada 529 responden daripada lebih kurang 9500 pengunjung Pesta Bederun Balingian 2023. Tinjauan soal selidik ini diedarkan kepada pengunjung Pesta Bederun selama tiga hari utama pesta berlangsung. Medium yang digunakan adalah *Google Form* yang melalui janaan kod QR.

Lima (5) bahagian utama soal selidik ini adalah terdiri daripada bahagian pertama iaitu demografik responden yang memfokuskan kepada taburan jantina, umur, kaum dan lain-lain. Bahagian kedua ialah impak Pesta Bederun Balingian 2023 terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar, bahagian ketiga berkenaan dengan kepuasan terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan sepanjang Pesta Bederun Balingian 2023. Bahagian keempat hanyalah seksyen responden yang juga merupakan peniaga sepanjang pesta ini berlangsung dan bahagian terakhir adalah mengambil kira maklumbalas dan cadangan daripada pengunjung pesta.

## DAPATAN

### Demografik

Kajian itu melibatkan 529 individu 63.33% (335 orang) adalah lelaki dan 36.67% (194 orang) adalah perempuan. Di antara responden-responden ini, 43.1% (228 orang) berusia antara 21 hingga 30 tahun, 20.04% (106 orang) berusia antara 31 hingga 40 tahun, 19.47% (103 orang) berusia antara 11 hingga 20 tahun, 10.21% (54 orang) berusia antara 41 hingga 50 tahun, dan 5.48% (29 orang) berusia antara 51 hingga 60 tahun. Kajian ini juga menemui 8 responden (1.51%) yang berusia antara 61 dan 70 tahun, dan hanya satu (0.19%) daripada responden berusia 71 tahun ke atas. Majoriti pengunjung Pesta Bederun Balingian 2023 adalah terdiri daripada kaum Melanau iaitu 75.61%. 14.18% daripada pengunjung adalah Melayu, 4.91% adalah Iban, dan 4.54% adalah Cina. Selain itu, kaum Melayu Cocos, Kayan, Kenyah dan Kedayan masing-masing menyumbang 0.19%.



Gambar Rajah 1: Taburan Kaum Pengunjung Pesta Bederun 2023


### Impak Terhadap Sumber, Komuniti dan Ekoperlancangan

Jadual 1 menunjukkan analisis diskrifit secara keseluruhan terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar. Berdasarkan skala 1 hingga 5, iaitu 1 bermakna sangat tidak bersetuju, 2 bermakna tidak bersetuju, 3 bermakna neutral, 4 bermakna bersetuju dan 5 bermakna sangat bersetuju, min pengunjung bersetuju Pesta Bederun Balingian 2023 memberi impak yang positif terhadap pembangunan ekonomi dan sosial


manakala adalah 4.09 dan 4.16. Min impak kepada alam sekitar adalah 3.07 kerana faktor kesesakan lalulintas, kurang tempat parkir dan juga pengurusan sampah sarap yang tidak memuaskan.

**Jadual 1 Analisis Diskrifitif Keseluruhan Terhadap Impak Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar**


	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation	Skewness	Kurtosis
	Statistic	Statistic	Statistic	Statistic	Statistic	Statistic	Statistic
mean ekonomi	529	1.00	5.00	4.0940	.97325	-.808	.106
mean sosial	529	1.00	5.00	4.1621	.91769	-1.019	.106
Mean alam	529	1.33	5.00	3.0706	.60794	.299	.106
Valid N (listwise)	529						
	N	Mean	Std. Deviation	Skewness	Kurtosis		
	Statistik	Statistik	Statistik	Statistik	Statistik	Statistik	Statistik
a) Pesta Bederun 2023 mewujudkan peluang pekerjaan dalam komuniti setempat	529	3.95	1.111	-.648	.106	-.457	.212
b) Pesta Bederun 2023 meningkatkan hasil jualan peniaga.	529	4.10	1.058	-.834	.106	-.202	.212
c) Pesta Bederun 2023 dapat membangunkan komuniti setempat.	529	4.12	1.008	-.826	.106	-.080	.212
d) Pesta Bederun 2023 dapat meningkatkan kunjungan pelancong ke Balingian.	529	4.21	1.006	-1.038	.106	.351	.212
e) Imej Balingian dapat ditingkatkan disebabkan oleh pengajuran Pesta Bederun 2023.	529	4.19	1.025	-.999	.106	.176	.212
f) Pesta Bederun 2023 dapat mengukuhkan semangat kemasyarakatan.	529	4.21	.983	-.975	.106	.191	.212
g) Saya berasa gembira dan bangga apabila melihat ramai pengunjung dan pelancong di Balingian.	529	4.24	1.005	-1.132	.106	.590	.212
Valid N (listwise)	529						



Gambar 1:  
Pertandingan perlumbaan perahu semasa pesta bederun



Gambar 2:  
Gerai menyediakan juadah masakan tradisional masyarakat Melanau di Balingian



Gambar 3:  
Pertandingan gerai yang mempamerkan kepelbagaian budaya masyarakat Melanau semasa Pesta Bederun



Gambar 4:  
Para pemenang acara utama Pesta Bederun yang dinobatkan sebagai Raja Sungai Pesta Bederun Balingian 2023

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, “Pesta Bederun” yang telah dianjurkan ini berupaya meningkatkan imej pekan Balingian sebagai salah satu destinasi pelancongan atau persinggahan. Kesan paling signifikan Pesta Bederun 2023 adalah dalam peningkatan bilangan pelancong di Balingian, sebuah pekan singgahan. Hal ini telah menggalakkan pertambahan kunjungan pelancong ke Balingian serta meningkatkan reputasinya sebagai destinasi utama untuk ekopelancongan. Selain itu, ia juga telah memberi dorongan kepada perkembangan komuniti tempatan dan telah membantu meningkatkan ekonomi penduduk setempat terhadap produk-produk tempatan. Sekiranya Pesta Bederun Balingian diadakan secara tahunan, ianya berpotensi untuk membawa perubahan positif yang signifikan. Produk ekopelancongan Balingian dapat diketengahkan dan dapat diberikan penekanan yang lebih mendalam, di samping memperkenalkan lagi acara-acara sukan air seperti regatta. Walaubagaimanapun, kajian impak Pesta Bederun Balingian 2023 ini dapat dijadikan sebagai penanda aras dan memberikan input yang berguna kepada penganjuran pesta ini pada masa hadapan dengan perancangan dan perlaksanaan yang lebih baik.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah ditaja oleh Persatuan Melanau Mukah dan disokong oleh Pusat Penyelidikan Melanau, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah.

## RUJUKAN

- Edisi UKAS. (2023, April 8). Pesta Bederun Kembali Meriahkan Balingian Jun Ini. Retrieved from <https://ukas.sarawak.gov.my/2023/04/08/pesta-bederun-kembali-meriahkan-balingian-jun-ini/>.
- Guri, C. J. (2022, August 20). *Have you ever come across an event called the Sarawak Regatta?* Asian Itinerary. <https://asianitinerary.com/the-sarawak-regatta/>.
- Jeniri, F. (2018, August 11). Making Regatta a permanent feature of Sarawak. New Sarawak Tribune. Retrieved from <https://www.newsarawaktribune.com.my/making-regatta-a-permanent-feature-of-sarawak/>.
- Mccartney, Glenn & Osti, Linda. (2007). From Cultural Events to Sport Events: A Case Study of Cultural Authenticity in the Dragon Boat Races. Journal of Sport & Tourism. 12. 25-40. 10.1080/14775080701496750.
- Ramlie, M. A. (2019). Buying patterns of visitors towards handicraft throughout Sarawak Regatta. Retrieved from [https://www.academia.edu/50738332/Buying\\_Patterns\\_Of\\_Visitors\\_Towards\\_Handicraft\\_Throughout\\_Sarawak\\_Regatta](https://www.academia.edu/50738332/Buying_Patterns_Of_Visitors_Towards_Handicraft_Throughout_Sarawak_Regatta).